



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

---

Rujukan kami : KOHAB/PKLLG/2022/0013

Tarikh : 08 April 2022

Kepada : Usahawan Hartanah KOHAB

Pengurus Agensi ( AM )

Pengurus Agensi Kumpulan ( GAM )

Pengarah Agensi ( AD )

Pengarah Agensi Kumpulan ( GAD )

Daripada : Pengerusi Koperasi Hartanah Anggun Berhad

S.K : Ahli Lembaga Koperasi, Koperasi Hartanah Anggun Berhad

Ahli – ahli Koperasi, Koperasi Hartanah Anggun Berhad

---

## **PENAFIAN LANTIKAN AGENSI PEMASARAN UNTUK PROJEK PERUMAHAN TAMAN RAWAI PERDANA, MARANG TERENGGANU**

Perkara diatas dan makluman pesanan *whatapps* Pengerusi KOHAB pada 7 April 2022 ( Lampiran A ) adalah di rujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Koperasi Hartanah Anggun Berhad (KOHAB) tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian atau dilantik sebagai agensi pemasaran samada untuk mempromosi, memasar atau menjual Projek Perumahan Taman Rawai Perdana, Alor Limbat, Marang Terengganu seperti yang dinyatakan oleh pihak pemaju.

3. Seiring dengan penafian ini, pihak KOHAB tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kerugian atau isu berkaitan antara pihak pembeli, pemaju, ejen atau pihak berkepentingan sekiranya mempunyai isu berkaitan pengurusan, teknikal, komisen dan lain – lain berkenaan projek tersebut.

4. Pihak KOHAB juga akan mengambil tindakan yang dirasakan wajar sekiranya didapati anggota KOHAB yang menyalahgunakan nama dan logo Koperasi Hartanah Anggun Berhad bagi tujuan pemasaran dan jualan projek perumahan tersebut.

5. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

6. Penyampaian bagi pekeliling ini adalah mencukupi dengan mengambilkira cara penyampaian samada melalui kiriman *whatsapp* atau dihantar ke alamat ahli koperasi (alamat tempat tinggal atau surat menyurat ).



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

---

PENAFIAN LANTIKAN AGENSI PEMASARAN UNTUK PROJEK PERUMAHAN TAMAN RAWAI PERDANA, MARANG TERENGGANU

Sekian. Terima kasih

**“ Membangunkan Ekonomi Sejahtera “**

**NASIRON BIN NGADI (W-5-1201)**  
**PENGURUS**  
**KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD**





# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

---

PENAFIAN LANTIKAN AGENSI PEMASARAN UNTUK PROJEK PERUMAHAN TAMAN RAWAI PERDANA, MARANG TERENGGANU

## Lampiran A

Assalamualaikum,  
Update : 7/4/2022

### ISU PROJEK BARU TERENGGANU

Utk makluman semua, sy dpt tahu bahawa ada dikalangan ahli kohab yg dtg terus bertanyakan kpd pihak pemaju bg projek terengganu dan pihak pemaju maklumkan bahawa projek itu dibwh KOHAB utk dijual..

Disini sy menegaskan, sehingga hari ini sy belum beri apa2 keputusan atau tidak lagi bersetuju atau menandatangani kontrak tawaran yg diberikan..

Ini kerana, ada isu2 teknikal sbm ini yg perlu pihak pemaju selesaikan dan sy tidak mahu ambil risiko terutama jika ianya berlarutan shgga menyebabkan penangguhan komisen dan sbgnya disbbkan isu2 teknikal yg ada..

Dan konflik antara pemaju bersama Tuan Tanah juga amat sy ambil berat kerana isu teknikal spt itu wajib diselesaikan dahulu sesama mereka..

Jadi, jika pemaju mengatakan bahawa projek terengganu adalah dibawah KOHAB maka sy MENAFIKAN dan tiada sebarang kontrak baru yg sy tandatangan atau dipersetujui..

Pihak KOHAB tidak akan bertanggungjawab jika ada yg terus kpd pemaju jika ada yg menjual projek tersebut..

Sy dan Tuan Tanah projek tersebut bersepakat utk hold dulu projek itu utk dijual..

Pihak KOHAB akan mengeluarkan pekeliling rasmi yg mana projek itu bukan dibwh KOHAB dan tidak akan bertanggungjawab jika ada hal2 berkaitan pengurusan, teknikal, komisen dan sbgnya jika ada dikalangan yg menjual projek tersebut dibwh pemaju..

Sekian,  
Terima kasih  
Harap maklum

DDRA  
Pengerusi KOHAB